

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 13, 2019 10:30 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kembara Bijak Wang AKPK HSBC Tingkat Literasi Pelajar Tentang Pengurusan Kewangan Peribadi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 MEI 2019 / 08 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azhar Jamil

Gambar oleh: Ku Mohamad Rizal Ku Ismail

KEMBARA BIJAK WANG AKPK HSBC TINGKAT LITERASI PELAJAR TENTANG PENGURUSAN KEWANGAN PERIBADI



UUM ONLINE: "Kurangnya literasi pengurusan kewangan menyebabkan peningkatan kadar hutang peribadi yang tinggi dalam kalangan masyarakat di Malaysia," kata Timbalan Pengurus, Agensi Kauseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Manorita Junaidi pada program Kembara Bijak Wang AKPK HSBC 2019 di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 4/1, baru-baru ini.

Menurunya, kebanyakan golongan muda kini lebih suka gaya membeli terlebih dahulu sesuatu barangan tanpa memikirkan beban hutang yang bakal ditanggung mereka.

Katanya, mengikut statistik sebanyak 30 peratus kes muflis melibatkan mereka yang berusia bawah umur 30 tahun, justeru pelajar perlu membezakan keperluan dan kehendak sebelum membuat keputusan pembelian ke atas sesuatu barangan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, pelajar harus memanfaatkan tips yang dikongsi oleh pemain industri seperti AKPK dalam membicarakan ruang lingkup pengurusan kewangan peribadi.

“Program ini bertujuan memperkasakan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar di UUM khususnya mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan.

“Halangan terbesar kepada usahawan sama ada usahawan mikro atau makro adalah tata cara pengurusan kewangan yang baik dan dengan adanya program berstruktur dari AKPK ini, saya harap ia akan meningkatkan lagi literasi kewangan dalam kalangan pelajar,” katanya.

Pada program tersebut, aktiviti berkumpulan telah dilaksanakan yang memerlukan sinergi daripada pembentukan ahli kumpulan sehingga menyelesaikan tugas yang diberikan.

Program AKPK HSBC 2019 dibahagikan kepada Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Sabah dan Sarawak yang melibatkan universiti awam terpilih dan mengkhususkan kepada tiga fasa iaitu fasa pertama yang melibatkan pertemuan bersemuka dengan pelajar dan fasa kedua pelajar perlu melaksanakan tugas secara atas talian yang merangkumi topik pengurusan aliran tunai, pengurusan harta, asas meminjam, tugas kumpulan dan kaji selidik.

Manakala fasa ketiga seramai 50 kumpulan dari universiti awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) akan dipilih ke pertandingan *treasure hunt* yang akan diadakan pada bulan September 2019 di AKPK Maju Junction dan HSBC Lebuhraya Ampang.

Pelajar yang berminat untuk menyertai program itu boleh melayari laman sesawang AKPK iaitu <https://learn.akpk.org.my/courses/kembara-bijak-wang> melalui akses kod kembarabijakwang2019.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.